

# **PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM KONSERVASI: KAJIAN KES DI SEBUAH UNIT PENGURUSAN HUTAN, DI TONGOD, SABAH**

**SITI NUR AFIFAH BINTI NAZULA**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM KONSERVASI : KAJIAN KES DI SEBUAH UNIT PENGURUSAN HUTAN, DI TONGOD, SABAH

IJAZAH : IJAZAH SARJANA SASTERA (SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL)

Saya Siti Nur Afifah bt Nazula, Sesi 2015-2019, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / )

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

SITI NUR AFIFAH BT NAZULA  
MA1521028T

Tarikh : 5/4/2019

Disahkan Oleh,  
  
NORAZLYNNE MOHD. UOHAN @ JANE LYNE  
PUSTAKAWAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DR. JALIHAH MD SHAH

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 Mei 2018



Siti Nur Afifah Binti Nazula  
MA1521028T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : SITI NUR AFIFAH BINTI NAZULA

NO. MATRIK : MA1521028T

TAJUK : PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM KONSERVASI:  
KAJIAN KES DI SEBUAH UNIT PENGURUSAN HUTAN, DI  
TONGOD, SABAH

IJAZAH : SARJANA SASTERA (SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI  
SOSIAL)

TARIKH VIVA : 22/01/2019

DISAHKAN OLEH:

PENYELIA

Dr. Jalihah Binti Md Shah



Tandatangan

## **PENGHARGAAN**

Allahamduillah bersyukur kehadrat ilahi akhirnya saya dapat menyiapkan penulisan kajian saya. Hal ini tidak dapat saya lakukan tanpa bantuan penyelia saya iaitu Dr. Paul Porodong yang telah banyak membantu saya dalam menjalankan kajian dimana beliau telah turun kelapangan bersama saya untuk mencari keluarga angkat dan tempat tinggal saya semasa di lapangan. Selain itu, beliau juga banyak menyumbang idea kepada saya dalam menyiapkan penulisan ini. Beliau telah meluangkan masa berjam-jam untuk menyemak penulisan saya. Saya sangat berterima kasih kepada beliau kerana tanpa beliau saya tidak akan sampai ke tahap ini. Hanya Allah sahaja yang dapat balas jasa baik beliau dan saya mendoakan supaya beliau dan keluarga sentiasa dirahmati Tuhan. Perasaan sedih dan kehilangan sangat terasa apabila beliau telah menamatkan perkhidmatan sebagai Pensyarah Sosiologi dan Antropologi di Universiti Malaysia Sabah. Saya yakin Universiti telah ehilangan seorang tenaga pengajar yang sangat berdedikasi dan berkelibar dalam menjalankan tugas beliau. Selain, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Jaliyah kerana sudi menjadi penyelia baru saya dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan penulisan ini.

Terima Kasih juga yang tidak terhingga kepada insan yang tersayang iaitu bapa saya En. Nazula bin Yusoff dan ibu saya Pn. Rashidah bt Abd.Wahab yang banyak memberi kata-kata semangat untuk anakmu ini menyambung pengajian sehingga ke tahap ini. Walaupun berada jauh di Kelantan tetapi mereka tidak pernah putus dalam memberi dorongan, nasihat dan kata-kata semangat serta menjadi pendegar setia keluhan dan kepenatan saya sepanjang menyiapkan penulisan ini. Mereka juga telah memberi sumbangan kewangan kepada saya sepanjang proses menyiapkan penulisan ini tanpa sebarang keluhan. Tidak lupa juga kepada adik-beradik saya iaitu Siti Nur Aini bt Nazula dan Mohd Firdaus Bin Nazula kerana banyak membantu menjaga mak ayah saya sepanjang saya berada di Sabah dalam menyempurnakan tugas saya sebagai seorang pelajar.

Di Samping itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima Kasih kepada Sahabat baik saya Nur Asyikin binti Mohamed Suldin dan W.Siti Mawarni binti W.Junus kerana banyak membantu saya dalam menyiapkan penulisan saya terutama sekali sanggup menemani saya turun ke lapangan selama berminggu-minggu serta memberi kata-kata semangat kepada saya. Tidak lupa juga kepada kawan seperjuangan saya yang amat dikasihi iaitu Rawiyani Dollah, Nur Aziyan bt Sima, Nurhaya Jamalung kerana selalu bersama saya susah dan senang sepanjang tempoh pengajian, menemani saya ke lapangan, saling bertukar pendapat dan memberi pandangan serta tunjuk ajar dalam penulisan saya. Akhir sekali kepada Pensyarah-pensyarah ANSOS yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya.

Siti Nur Afifah Binti Nazula

11 Mei 2018

## **ABSTRAK**

Unit Pengurusan Hutan (Forest Management Unit) menguruskan kawasan konservasi hutan. Jabatan Perhutanan Sabah telah menetapkan mengenai Syarat Pensijilan Hutan menjelang tahun 2016, Antaranya, mana-mana syarikat mesti melibatkan komuniti untuk mendapatkan lesen dalam pengurusan hutan. Oleh itu, untuk mendapatkan lesen, FMU perlu melibatkan komuniti setempat dalam konservasi hutan. Ada banyak tahap penglibatan yang telah dibincangkan untuk menilai penglibatan anggota masyarakat dalam konservasi hutan. Misalnya Arnstein (1969) telah mengemukakan satu tipologi berdasarkan penglibatan masyarakat. Beliau telah mengemukakan tujuh tahap yang dikenali sebagai "*Ladder of Participation*". Tahap pertama ialah Manipulasi, Terapi, Pemberi maklumat, Perundingan, *Placation*, Kerjasama, Pengagihan kuasa, dan Kawalan penduduk. Kajian ini juga membincangkan mengenai faktor-faktor penglibatan masyarakat dalam konservasi hutan dengan mengaplikasi teori dengan fenomena di kawasan kajian. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual secara mendalam, temubual semi struktur dan pemerhatian di lapangan. Hasil kajian mendapat terdapat dua tahap untuk memahami penglibatan komuniti dalam konservasi hutan iaitu tahap sederhana dan tahap rendah yang dirasai oleh individu berbeza mengikut jawatan dan kuasa yang dipegang oleh ahli komuniti dan faktor ekonomi merupakan faktor utama yang mendorong dalam penglibatan masyarakat dalam konservasi hutan.



## ***ABSTRACT***

### ***COMMUNITY PARTNERSHIP IN FOREST CONSERVATION IN AREA FOREST MANAGEMENT UNITS CASE STUDY: KAMPONG LANGKABONG, TONGOD SABAH***

The Forest Management Unit manages forest conservation areas. The Sabah Forestry Department has set out on the Forest Certification Terms by 2016, Among them, any company must engage communities to obtain licenses in forest management. Therefore, to obtain a license, the FMU needs to involve the local community in forest conservation. There are many levels of engagement that have been discussed to assess the involvement of community members in forest conservation. For example Arnstein (1969) has presented a typology based on community involvement. He has presented seven levels known as "Ladder of Participation. The first level is Manipulation, Therapy, Whistleblower, Consultation, Placation, Cooperation, Power Distribution, and Population Control. This study also discusses the factors of community involvement in forest conservation by applying theories to phenomena in the study area. This study applies a qualitative approach by using in-depth interviews, semi-structured interviews and field observations. The findings show that there are two levels to understanding the involvement of the community in forest conservation namely the moderate and the low levels felt by individuals vary according to the positions and powers held by community members and economic factors are the main factors that induce the community's involvement in forest conservation.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI KANDUNGAN

|   | Halaman |
|---|---------|
| <b>TAJUK</b>                                  | i       |
| <b>PENGAKUAN</b>                              | ii      |
| <b>PENGESAHAN</b>                             | iii     |
| <b>PENGHARGAAN</b>                            | iv      |
| <b>ABSTRAK</b>                                | v       |
| <b>ABSTRACT</b>                               | vi      |
| <b>SENARAI KANDUNGAN</b>                      | vi      |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                         | xvi     |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                          | xvii    |
| <b>SENARAI GAMBAR DAN LAKARAN</b>             | xviii   |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                      | xx      |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                       | xxi     |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>                      | Halaman |
| 1.1 Pengenalan                                | 1       |
| 1.2 Konservasi Hutan di Malaysia              | 1       |
| 1.2.1 Konservasi Hutan di Semenanjung         | 3       |
| 1.2.2 Konservasi Hutan di Sarawak             | 4       |
| 1.2.3 Konservasi Hutan di Sabah               | 5       |
| 1.3 Pengurusan Bersama dalam Konservasi Hutan | 9       |
| 1.4 Permasalahan Kajian                       | 14      |

|              |   |    |
|--------------|---|----|
| 1.5          | Persoalan Kajian  | 17 |
| 1.6          | Objektif Kajian   | 17 |
| 1.7          | Skop Kajian   | 18 |
| 1.8          | Metod Kajian  | 19 |
| 1.8.1        | Reka Bentuk Kajian  | 19 |
| 1.8.2        | Kaedah Pengumpulan Data   | 20 |
| a)           | Temubual Mendalam   | 20 |
| b)           | Temubual Informal dan Pemerhatian Ikut Serta                              | 24 |
| c)           | Temubual Semi-Stuktur   | 26 |
| d)           | Kaedah Perpustakaan   | 28 |
| 1.9          | Limitasi Kajian   | 29 |
| 1.10         | Kepentingan Kajian  | 31 |
| <b>BAB 2</b> | <b>PENDEKATAN TEORI DAN SOROTAN LITERATUR</b>                             |    |
| 2.1          | Pengenalan  | 34 |
| 2.2          | Perbincangan Tipologi Penglibatan Komuniti                                | 34 |
| 2.3          | Perbincangan Teori Ekologi Budaya, Politikal Ekologi dan Pilihan Rasional | 46 |
| 2.4          | Sorotan Kajian Lepas  | 53 |
| 2.5          | Kesimpulan  | 57 |
| <b>BAB 3</b> | <b>KG. LANGKABONG DI DAERAH TONGOD</b>                                    |    |
| 3.1          | Pengenalan  | 58 |
| 3.2          | Daerah Tongod   | 58 |
| 3.2.1        | Kampung Langkabong  | 59 |
| 3.3          | Status Pemilikan Tanah  | 64 |

|       |                      |    |
|-------|----------------------|----|
| 3.4   | Institusi Ekonomi    | 66 |
| 3.5.1 | Tanaman Getah        | 69 |
| 3.5.2 | Tanaman Kelapa Sawit | 70 |
| 3.5.3 | Lain-lain Tanaman    | 72 |
| 3.5   | Sistem Kepercayaan   | 74 |
| 3.6   | Kesimpulan           | 76 |

**BAB 4      TAHAP      PENGLIBATAN      KOMUNITI      DALAM  
KONSERVASI HUTAN**

|       |   |     |
|-------|---|-----|
| 4.1   | Pengenalan  | 77  |
| 4.2   | Sejarah Air Terjun Tuntutunan Langkabong                                | 78  |
| 4.3   | Sejarah Penggazetan Hutan Langkabong                                    | 81  |
| 4.4   | Penubuhan Persatuan Mangkaak Kunatong (MAKU)                            | 83  |
| 4.5   | Sistem Pengurusan Kawasan Konservasi                                    | 89  |
| 4.6   | Penyaluran Maklumat Mengenai Konservasi                                 | 93  |
| 4.7   | Penglibatan Komuniti dalam Kerja dan Aktiviti                           | 97  |
| 4.8   | Peraturan yang Ditetapkan di Kawasan Konservasi (Air Terjun Tuntutunan) | 107 |
| 4.9   | Tahap-tahap Penglibatan Komuniti Kampung Langkabong                     | 114 |
| 4.9.1 | Tahap Rendah  | 114 |
| 4.9.2 | Tahap Sederhana   | 119 |
| 4.10  | Kesimpulan  | 121 |

**BAB 5      FAKTOR-FAKTOR PENDORONG DAN PENGHALANG  
PENGLIBATAN DALAM KONSERVASI HUTAN**

|     |            |     |
|-----|------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 122 |
|-----|------------|-----|

|       |  |     |
|-------|--|-----|
| 5.2   | Faktor-faktor Penglibatan Komuniti dalam Konservasi Hutan                            | 122 |
| 5.2.1 | Penggazetan Hutan Langkabong   | 122 |
| 5.2.2 | Kawasan Tadahan Sumber Air Bersih  | 125 |
| 5.2.3 | Menjadikan Air Terjun Sebagai Pusat Pelancongan                                      | 130 |
| 5.2.4 | Mengekalkan Sumber Hutan   | 133 |
| 5.2.5 | Mengekalkan Budaya dan Pengetahuan Tradisional                                       | 134 |
| 5.2.6 | Meluaskan Pengetahuan  | 140 |
| 5.3   | Faktor-faktor Tidak Terlibat Dalam Konservasi  | 142 |
| 5.3.1 | Tidak Membantu dalam Pulangan Ekonomi  | 142 |
| 5.3.2 | Tiada Jawatan dalam Persatuan Mangkaak Kunatong (MAKU)                               | 145 |
| 5.4   | Perbincangan Teori Pilihan Rasional Dan Teori Ekologi Politik Dalam Konservasi Hutan | 147 |
| 5.5   | Kesimpulan   | 152 |

## **BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN**

|     |                        |     |
|-----|------------------------|-----|
| 6.1 | Pengenalan             | 153 |
| 6.2 | Konservasi dan Ekonomi | 153 |
| 6.3 | Penemuan Utama Kajian  | 156 |
| 6.4 | Aplikasi Teori         | 159 |
| 6.5 | Cadangan Kajian        | 164 |
| 6.6 | Kesimpulan             | 164 |

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

## **SENARAI JADUAL**

|            |   | Halaman |
|------------|---|---------|
| Jadual 1.1 | Profil responden yang telah ditemubual mendalam   | 22      |
| Jadual 1.2 | Tempoh masa Penyelidik berada di Lapangan   | 24      |
| Jadual 1.3 | Profil Responden yang terlibat dalam temubual semi-berstruktur                                      | 28      |
| Jadual 3.1 | Agama penduduk Kampung Langkabong   | 61      |
| Jadual 3.2 | Pembahagian kerja di padi Bukit   | 67      |
| Jadual 3.3 | Tempoh Penanaman Padi di Kampung Langkabong   | 68      |
| Jadual 3.4 | Pembahagian kerja Tanaman getah   | 70      |
| Jadual 3.5 | Pembahagian kerja Tanaman Kelapa Sawit  | 72      |
| Jadual 4.1 | Kolaborasi cadangan untuk kawasan Eko-pelancongan Langkabong dan Peranan setiap Organisasi terlibat | 85      |
| Jadual 4.2 | Ahli Jawatankuasa Persatuan Mangkaak<br>Kunatong(MAKU)  | 87      |
| Jadual 4.3 | Senarai Ahli jawatankuasa yang bertugas menjaga Zon   | 100     |
| Jadual 4.4 | Kadar Bayaran Masuk Air terjun Tuntotunan   | 103     |
| Jadual 4.5 | Antara peraturan yang ditetapkan dan dipersetujui   | 110     |
| Jadual 4.6 | Peraturan Tradisional Komuniti yang ditetapkan dan dipersetujui                                     | 111     |

## SENARAI RAJAH

|           |   | Halaman |
|-----------|---|---------|
| Rajah 1.1 | Pengurusan secara bersama (Co-Management protected Areas)                       | 10      |
| Rajah 2.1 | Tipologi Penglibatan komuniti, "Ladder of Citizen Participation" oleh Arnstein. | 38      |
| Rajah 2.2 | Rangka Konseptual Kajian  | 53      |
| Rajah 3.1 | Kedudukan Daerah Tongod Dalam Peta sabah  | 59      |
| Rajah 3.2 | Kedudukan Kg. Langkabong (Tongod) dalam Peta Sabah                              | 60      |
| Rajah 4.1 | Kedudukan Hutan Simpan Kelas 2 Trusmadi (Tongod) dalam Peta Sabah               | 78      |
| Rajah 4.2 | Kedudukan Air Terjun Tuntutunan(Tongod) dalam Peta Sabah                        | 81      |
| Rajah 4.3 | Kolabiasi cadangan kawasan Eko-pelancongan Langkabong                           | 86      |
| Rajah 4.4 | Perkongsian manfaat Ekopelancongan Langkabong                                   | 88      |
| Rajah 6.1 | Rangka Konseptual Hasil Kajian  | 163     |

## **SENARAI GAMBAR DAN LAKARAN**

|            |   | Halaman |
|------------|---|---------|
| Gambar 1.1 | Temubual Mendalam (6 mac 2017)                                  | 23      |
| Gambar 1.2 | Kawasan Air Terjun (6 mac 2017)                                 | 23      |
| Gambar 1.3 | Temubual Informal (komuniti Langkabong)                         | 25      |
| Gambar 3.1 | Gereja SIB Kg. Langkabong                                       | 62      |
| Gambar 3.2 | Surau Kampung Langkabong  | 62      |
| Gambar 3.3 | Dewan Masyarakat Kg.Langkabong                                  | 63      |
| Gambar 3.4 | Sekolah Kebangsaan Langkabong                                   | 64      |
| Gambar 3.5 | Geran Tanah Komuniti Langkabong                                 | 65      |
| Gambar 4.1 | Kawasan konservasi Air Terjun Tuntutunan                        | 80      |
| Gambar 4.2 | Infrastruktur yang terdapat di Kawasan Konservasi (Tandas Awam) | 104     |
| Gambar 4.3 | Keadaan Pondok hadapan pintu Masuk Air Terjun                   | 105     |
| Gambar 4.4 | Jalan untuk ke kawasan Air terjun                               | 106     |
| Gambar 4.5 | Antara Papan tanda yang terdapat di Kawasan Konservasi          | 112     |
| Gambar 5.1 | Peta Kawasan Tadahan Air Penduduk dalam Kawasan Konservasi      | 127     |
| Gambar 5.2 | Paip Air Graviti  | 128     |

## SENARAI SINGKATAN

|              |  |
|--------------|--|
| <b>FMU</b>   | Forest Management Unit                 |
| <b>JHEOA</b> | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli           |
| <b>MTCC</b>  | Majlis Pensijilan Kayu Malaysia        |
| <b>SFD</b>   | Sabah Forestry Department              |
| <b>FSC</b>   | Forest Security Council                |
| <b>IUCN</b>  | <i>World Conservation Union,</i>       |
| <b>MAKU</b>  | Persatuan Mangkaak Kunatong            |
| <b>BCB</b>   | <i>Community-Based Conservation</i>    |
| <b>JPNS</b>  | <i>Jabatan Perhutanan Negeri Sabah</i> |
| <b>FMU</b>   | Forest Management Unit                 |
| <b>JHEOA</b> | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli           |
| <b>MTCC</b>  | Majlis Pensijilan Kayu Malaysia        |
| <b>SFD</b>   | Sabah Forestry Department              |
| <b>FSC</b>   | Forest Security Council                |
| <b>IUCN</b>  | <i>World Conservation Union,</i>       |
| <b>MAKU</b>  | Persatuan Mangkaak Kunatong            |
| <b>BCB</b>   | <i>Community-Based Conservation</i>    |
| <b>JPNS</b>  | <i>Jabatan Perhutanan Negeri Sabah</i> |
| <b>FMU</b>   | Forest Management Unit                 |
| <b>JHEOA</b> | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli           |



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

|   | Halaman |
|---|---------|
| <b>LAMPIRAN A</b> Surat Persatuan Maku                        | 174     |
| <b>LAMPIRAN B</b> Borang Permohonan Membantu JPNS             | 175     |
| <b>LAMPIRAN C</b> Peta Kawasan Cadangan Konservasi Langkabong | 176     |




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Kajian ini adalah mengenai tahap dan faktor penglibatan komuniti Kampung Langkabong dalam konservasi hutan di kawasan penggazetan Hutan Simpan Kelas dua. Komuniti Langkong melibatkan diri dalam konservasi hutan di kawasan mereka adalah untuk menjadikan kawasan air terjun Tontotunan sebagai kawasan eko-pelancongan untuk sumber ekonomi kepada mereka. Bab ini membincangkan tentang latar belakang hutan dan konservasi di Malaysia, Sabah dan Sarawak. Selain itu, objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian juga dibincangkan dalam bab ini oleh penyelidik. Methodologi kajian juga dibincangkan secara terperinci oleh penyelidik dalam bab ini.



UNIVERSITI  
MALAYSIA SABAH

### 1.2 KONSERVASI HUTAN DI MALAYSIA

Hutan merupakan sumber alam yang berharga dan bernilai. Hutan meliputi kira-kira 30 hingga 40 peratus daripada kawasan dunia. Hutan yang terdapat di seluruh dunia dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis. Antaranya, ialah Hutan Hujan Tropika, Hutan Bakau dan Hutan Pokok Tirus (S.W.Running, 2007).

Masyarakat tradisional berpandangan bahawa hutan bukan hanya berperanan secara ekologi saja, tetapi juga berperanan dalam bidang ekonomi dan sosial budaya yang lebih luas, sehingga masyarakat tradisional memiliki pengetahuan tentang kebudayaan yang berhubungan dengan model-model pemanfaatan dan pengelolaan sumberdaya alam secara lestari (Rahayu, 2004). Malaysia mempunyai keluasan tanah sebanyak 329,800 km<sup>2</sup> di semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Sebanyak 19.54 million hektar atau 59.5%

kawasan Hutan, 0.27% daripada jumlah kawasan hutan adalah hutan tanaman dan 19.27 million hektar adalah hutan semulajadi (Malaysia, 2004).

Sebahagian besar kawasan hutan di Malaysia adalah jenis Hutan Hujan Tropika. Secara amnya, jumlah keluasan kawasan hutan di Malaysia ialah 19.42 juta hektar dan dikategorikan mengikut penggunaan. Kategori yang pertama adalah Tanah Kerajaan atau Tanah Hak milik iaitu 3.30 juta hektar (17.0 peratus), kategori yang kedua ialah Hutan Simpanan Kekal (HSK) iaitu 14.29 juta hektar (74.0 peratus), dan kategori ketiga adalah dikhususkan sebagai Taman Negara atau Taman Perlindungan Hidupan Liar & Burung dengan keluasan 1.83 juta hektar (9.0 peratus) (Council M. T., 2007).

Penerokaan hutan banyak berlaku akibat permintaan ruang untuk pembangunan tanah dan pembangunan fizikal. Pembalakan hutan belantara telah banyak berlaku di seluruh dunia bermula sejak tahun 1950an dan hal ini kian meningkat setiap tahun (Ahmad, 1992:8). Oleh itu, hal ini telah merosakkan keadaan semulajadi hutan yang mengakibatkan hutan semakin berkurangan dan menjelaskan fungsi ekologi hutan. Ia memberi kesan negatif di mana, berlakunya ketidakseimbangan ekosistem termasuklah pencemaran, perubahan iklim, bencana alam seperti tanah runtuh, banjir dan sebagainya.

Di Malaysia hanya 59 peratus atau 19.42 juta hektar merupakan jumlah keluasan kawasan hutan yang tinggal. Daripada jumlah tersebut, Semenanjung Malaysia mempunyai kira-kira 5.88 juta hektar kawasan hutan. Manakala negeri Sabah mempunyai 4.30 juta hektar, sementara di negeri Sarawak masih terdapat 9.24 juta hektar adalah kawasan yang dilitupi hutan (Malaysian Timber Council, 2007). Jumlah kawasan inilah yang menampung pengeluaran produktiviti bagi meningkatkan ekonomi negara. Pada pertengahan tahun 1970an Kerajaan Malaysia telah menggubal Akta Perhutanan Negara bagi mengawal kerosakan dan kemusnahan hutan. Seterusnya, pada tahun 1978 Majlis Perhutanan Negara telah mewujudkan Dasar Perhutanan Negara dengan menggabungkan Polisi Perhutanan sedia ada dari pelbagai negeri. Pindaan Dasar Perhutanan Negara kemudiannya

dilakukan pada tahun 1992 untuk memenuhi kehendak pengurusan hutan secara mapan.

Pindaan yang dilakukan telah memuatkan rujukan tentang pemuliharaan kepelbagaian-bio, serta pengekalan dan pengiktirafan terhadap peranan komuniti tempatan dalam pembangunan (Ahmad, 1992). Undang-undang Malaysia adalah sangat unik kerana mempunyai tiga set undang-undang yang berbeza iaitu undang-undang Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

### **1.2.1 Konservasi Hutan di Semenanjung Malaysia**

Di Semenanjung Malaysia, kumpulan pribumi adalah kolektif yang dikenali sebagai orang asli yang tinggal di kawasan hutan dan bergantung sepenuhnya kepada hasil hutan. Selama bertahun-tahun, mereka telah mengalami peningkatan dalam kehidupan mereka tetapi masih tetap berpegang kepada sumber hutan. Pelbagai aspek perubahan sosial dalam kehidupan sehari-hari mereka telah berlaku. Namun, masyarakat ini masih tidak boleh berpisah dengan hutan dan tidak mahu hutan mereka diceroboh. Oleh itu, dasar kerajaan yang ingin membawa kumpulan ini ke dalam arus perdana pembangunan perlu mengekalkan kawasan hutan mereka. Hal ini telah digariskan dalam Penyataan dasar mengenai pentadbiran orang-orang Asli Persekutuan Tanah Melayu 1961. Kepentingan orang asli disediakan di bawah Akta Orang Aborigin 1954, yang dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Di Semenanjung Malaysia, pengurusan hutan iaitu kriteria dan Petunjuk bagi Pensijilan Pengurusan Hutan di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia yang dioperasikan oleh Majlis Pensijilan Kayu Malaysia menekankan aspek sosial dimana, Pensijilan Pengurusan Hutan, menetapkan bahawa pengurus *Forest management Unit* (FMU) perlu berunding dengan individu-individu dan kumpulan yang terjejas secara langsung akibat operasi pengurusan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal di FMU. Impak sosial akibat operasi berkenaan juga perlu dinilai.

Keputusan penilaian tersebut diambil kira dan digabungkan dalam perancangan dan amalan pengurusan FMU tersebut. Pensijilan Pengurusan Hutan juga memerlukan pengurus FMU untuk memantau keberkesanan tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan impak negatif atau meningkatkan impak positif sosial akibat operasi hutan ke atas pihak yang terbabit. Dalam konteks Semenanjung Malaysia, individu dan kumpulan yang mungkin lebih terjejas oleh operasi hutan adalah Orang Asli dan atau masyarakat tempatan yang tinggal di dalam atau di pinggiran FMU (Hutan, 2012).

### **1.2.2 Konservasi Hutan di Sarawak**

Negeri Sarawak telah membangunkan senarai luas kawasan dilindungi yang berjumlah hampir 391,000 hektar atau bersamaan dengan kira-kira 3% kawasan tanah negeri pada tahun 2000 (*Department, Sabah Forestry, 2008*). Sarawak telah mencadangkan menambah senarai kawasan perlindungan tetapi bidang ini masih belum diwartakan adalah dasar-dasar yang mengawal penawaran kontrak pembalakan atau untuk pengurusan hutan jangka panjang di Forest management Unit (FMU), had pemotongan, dan operasi perhutanan seperti Pengurangan Pembalakan Impak, pembinaan jalan, dan pengesanan log dari sumber kepada kilang, dengan satu dokumen yang dipanggil pas penyingkiran (*Department, Sabah Forestry, 2008*).

Sarawak telah menetapkan satu undang-undang khas untuk memastikan pemeliharaan hutan terjamin terutamanya dalam kawasan yang melibatkan penempatan komuniti, iaitu Kod Tanah Sarawak (Cap 81), (Undang-undang Semula Sarawak, 1958). Undang-undang ini merupakan perundangan utama yang menentukan tempoh dan pentadbiran tanah di negeri yang menyediakan tanah asli, tanah adat tanah dan tiga kategori penggunaan tanah yang lain. Kod tanah dan pindaan berikutnya membenarkan pihak berkuasa negeri mewartakan tanah atau tanah digazet sebagai kawasan asli dan tanah adat asli.

### **1.2.3 Konservasi Hutan di Sabah**

Hutan adalah kunci kepada kesejahteraan dunia. Kemusnahan hutan merupakan satu cabaran sosial, ekonomi dan alam sekitar yang mendesak dan boleh menjelaskan kehidupan harian berjuta-juta komuniti. Kepentingan hutan telah lama diiktiraf, urustabdir hutan yang baik melibatkan pemberian kuasa kepada komuniti tempatan untuk mengurus tadbir tanah yang mereka diamti. Selain itu, pengiktirafan hak orang asal kepada tanah mereka juga harus dilakukan kerana ia adalah penting kepada cara hidup dan identiti kolektif.

Pengukuhan hak-hak komuniti keatas hutan mereka serta kebebasan rakyat untuk mengurus diri mereka dan bersuara dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan urustabdir hutan juga sangat diperlukan untuk menjamin kesejahteraan hutan. Oleh itu ketelusan dan akauntabiliti dalam proses mengambil keputusan oleh agensi-agensi kerajaan perlulah diwujudkan. Komuniti harus diberi maklumat yang tepat dan benar berkenaan isu-isu perhutanan dan tanah. Dari segi ciri fizikal, Sabah mempunyai bentuk muka bumi yang berbukit-bukau. Ia juga mempunyai dataran pantai yang ditumbuhi tanaman kontan, sementara jauh ke pedalaman terdapat hutan rimba dan banjaran gunung yang berceranggah. Hutan Kelas II ialah Hutan Simpan Komersial (atau Hutan Pengeluaran) merangkumi kawasan terbesar (2.7 juta hektar) diikuti Kelas I, Hutan Simpan Perlindungan dan Kelas V, Hutan Simpan Paya Bakau (Government Sabah State, 1998).

Hutan di Sabah telah dibahagikan kepada tujuh kelas iaitu Rizab hutan lindungan Kelas I, Rizab hutan komersial Kelas II, Rizab hutan domestik Kelas III, Rizab hutan kemudahan Kelas IV, Rizab hutan paya Kelas V, Rizab hutan dara Kelas VI, Rizab hidupan liar Kelas VII. Kerajaan Sabah telah mengambil langkah positif dengan memperkenalkan dasar pengurusan hutan mampan (hanya sejumlah volum pertumbuhan pokok boleh dikeluarkan daripada hutan). Berikutnya usaha berterusan dan bilangan pelaburan yang ketara, akhirnya, Hutan Simpan Deramakot telah diakui dan diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai hutan semula jadi pertama yang diuruskan secara mampan (Koridor Pembagunan Sabah, 2007).

Kerajaan Negeri Sabah telah mewartakan 3.59 juta ha hutan-hutan simpan di negeri ini yang mewakili 48.8% keseluruhan jumlah kawasan di Sabah. Sejak daripada tahun 1997, negeri sabah telah dibahagikan kepada 27 *Forest Management Unit* (FMU). Sebanyak 2.68 juta ha hutan-hutan simpan komersil (kelas ii) dalam FMU ini telah memberi lesen jangka panjang kepada badan-badan korporat bagi jangkamasa 100tahun. Lesen ini adalah dalam bentuk "Perjanjian Perlesenan Pengurusan Hutan Secara Mampan (SFMLA). Antara syarat yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen adalah menjadikan zon kawasan hutan mengikut fungsi penggunaan tanah kawasan hutan tersebut sebagai kawasan konservasi dan Pengeluaran Hasil (Department, Sustainable Forest Management, 2008).

Hutan di sabah telah dizonkan kepada empat iaitu konservasi, pengeluaran, rekreasi dan hutan komuniti. Zon Konservasi ialah meliputi kawasan lebih 25 lereng dan kawasan yang mempunyai kepentingan khusus untuk pemuliharaan. Zon ini kebiasaannya melindungi kawasan tadahan air, hidupan liar dan tanaman komuniti. Manakala zon Pengeluaran pula terbahagi kepada dua iaitu industri penanaman semula (ITP) dan Pengurusan hutan semulajadi (Malaysia-WWF, 2005).

Zon rekreasi ialah kawasan nilai indah dan rekreasi yang tinggi seperti gua, air terjun dan sungai. Zon Komuniti pula terdiri daripada kawasan yang tidak mempunyai atau nilai pemuliharaan rendah. Penduduk tempatan menjalankan hak adat atau amalan pribumi atau aktiviti ekonomi dan pertanian ia berfungsi sebagai sumber hasil kayu dan kayu bukan kayu untuk kegunaan komuniti ia termasuk aktiviti memburu dan mengosongkan hutan (Malaysia-WWF, 2005).

Sumber hutan dilindungi daripada pencerobohan dan diuruskan mengikut amalan pengurusan terbaik yang melibatkan pemegang SFMLA dan penyertaan komuniti tempatan yang bergantung kepada hutan. Dalam hal ini, terdapat komitmen yang tegas dan konsisten, termasuk pelan pengurusan dan sokongan kewangan oleh kerajaan Negeri untuk melaksanakan dasar SFM. Selain itu, mengekalkan dan memperluas kerangka hutan adalah diperlukan untuk menjamin

persekitaran yang stabil dan menyediakan asas bagi ekonomi yang kukuh dan pembangunan hutan sosial (Department, Sustainable Forest Management, 2008).

Enakmen Hutan Sabah telah dibentuk dan diwujudkan sejak tahun 1968 untuk mengatur dan mengawal selia akta-akta yang berkaitan dengan pengeluaran dan pemindahan hasil-hasil hutan. Beberapa pindaan telah dibuat pada tahun 1984, 1993, dan 1994 untuk memperketat dan memperkuuh syarat-syarat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan (Malaysian Timber Council, 2007). Sebagai contoh, pindaan Akta Perhutanan Negara yang dilakukan pada tahun 1993 memuatkan syarat-syarat tambahan dalam pengurusan hutan secara mampan, termasuklah mengenakan hukuman denda atau penjara bagi kesalahan-kesalahan seperti penebangan hutan secara haram.

Usaha Sabah *Forestry Department* (SFD) dalam meningkatkan pemuliharaan alam semula jadi di Sabah pada tahun 2008. Bahkan, 2008 merupakan tahun yang sangat penting dan sangat produktif untuk pemuliharaan hutan di Sabah. Penyertaan komuniti di semua peringkat operasi kehutanan adalah penting untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan hutan, pemuliharaan dan pembangunan, serta menilai kepentingan dan keimbangan mereka juga diambil kira dalam semua aspek aktiviti perhutanan. Pendekatan perkongsian yang melibatkan kerajaan, pihak swasta, komuniti setempat dan kumpulan-kumpulan alam sekitar dalam aspek pengambilan keputusan dan pelaksanaan pengurusan perhutanan (Department, Sabah Forestry, 2008).

Persijilan Hutan SFM bermula pada tahun 1997 apabila Hutan Simpan Deramakot di Kuamut, Tongod menjadi hutan pertama yang dikendalikan dengan baik di bawah skim Majlis Pengawasan Hutan. Satu cara tertentu untuk mengurangkan tekanan antarabangsa yang memberi kesan kepada dasar hutan di Sabah adalah melalui Pensijilan Skim Majlis Pengawasan Hutan. Artikel 3 daripada prinsip FSC menyatakan bahawa " Hak Orang Asal "menghendaki semua pemilik dan pengurus hutan yang disahkan oleh FSC mengenal pasti dan menegakkan hak pemilikan dan penggunaan tanah orang asli dan sumber-sumber (Council Forest, Stewardship, 1996).

Hasil daripada keperluan pensijilan, pada tahun 1990-an SFD mula melaksanakan hutan komuniti pengurusan dan inisiatif agroforestri sebagai sebahagian daripada projek Deramakot. Ia telah mencuba mengembangkan perhutanan masyarakat sebagai sebahagian daripada strategi SFMLA yang lebih luas (Department, Sabah Forestry, 2012). Semua pemegang SFMLA kini diperlukan untuk menangani isu pembangunan komuniti di mana komuniti wujud di dalam atau sempadan. Menurut Hamzah dan Mohammad, (2012) ,terdapat juga percubaan untuk meningkatkan keselamatan masa depan komuniti di dalam dan sekitar rizab hutan. Akibatnya, beberapa contoh yang berjaya bagi perkongsian antara SFD dan masyarakat adat telah muncul dalam beberapa tahun kebelakangan (Hamzah, 2012).

Sebagai Contoh konservasi yang berjaya dilakukan di Sabah adalah, kawasan Konservasi Lembah Danum yang merupakan salah satu daripada hutan tanah pamah berharga dan terbesar yang masih tinggal di Asia Tenggara. Kawasan ini yang terletak di Selatan-timur Sabah ( $4^{\circ}50'N$  –  $5^{\circ}00'N$  dan  $117^{\circ}35'E$  –  $117^{\circ}45'E$ ), ia meliputi kawasan seluas 43,800 hektar ( $438 \text{ km}^2$ ). Pada Mei 1995, kawasan tersebut diisyihar sebagai Hutan Simpan Kelas I (Perlindungan) oleh Dewan Undangan Negeri Sabah. Selain itu, Ngarai Imbak yang terletak di Lembah Danum sebahagiannya iaitu satu juta hektar Yayasan Sabah bertaraf Hutan Simpan Komersial Kelas II menjadi salah satu daripada kawasan konservasi (Mannan, 1997).

Di Sabah, terdapat beberapa kes yang melibatkan Jabatan Perhutanan dan Komuniti dalam kawasan hutan simpan. Contohnya, pada tahun 2017 berlakunya, pertikaian kawasan atau Tanah adat di antara komuniti di kampung Bobotong, Tongod dengan Jabatan Perhutanan Sabah. Rumah dan pondok rehat komuniti telah dirobohkan oleh pihak Jabatan Perhutanan kerana mendakwa komuniti telah menceroboh kawasan hutan simpan, namun begitu kenyataan ini telah dipertikai oleh komuniti Kampung Bobotong kerana kawasan itu merupakan tanah adat mereka dan telah mendiami tanah tersebut sudah berpuluhan tahun sebelum kawasan itu diwartakan sebagai Hutan Simpan.